

Orang ramai terus ambil kesempatan rasai pengalaman naiki MRT-SBK

Mesra warga emas, OKU

Oleh AMIRUL AIMAN ANUAR
kalia@utusanangroup.com.my

■ KUALA LUMPUR 30 JULAI

GENAP dua minggu perkhidmatan Transit Aliran Massa (MRT) Laluan Sungai Buloh - Kajang (SBK) beroperasi dan ketertarikan orang ramai untuk rasai pengalaman menaiki pengangkutan bertaraf dunia itu masih berterusan.

Tinjauan *Utusan Malaysia* sepanjang stesen dari Muzium Negara hingga ke Kajang baru ini mendapati kebanjiran penumpang dalam kalangan warga emas juga diluar jangkauan malah boleh dikatakan seperti perjumpaan 'jejak kasih'.

Salah seorang warga emas, **Rosni Anas**, 63, berkata, kesempatan diambil untuk 'makan angin' dari hujung ke hujung laluan SBK bagi menikmati sendiri pengalaman mencuba fasiliti baharu bertaraf dunia tersebut.

Katanya, dia turut mengambil



WARGA emas antara yang tidak melepaskan peluang rasai pengalaman menaiki MRT-SBK di stesen Muzium Negara, Kuala Lumpur.



ROSNI ANAS

kesempatan tempoh promosi potongan tambang separuh harga yang ditawarkan kerajaan baru ini.

"Lebih-lebih lagi warga emas dan golongan kurang upaya (OKU) menikmati potongan harga sehingga 75 peratus," katanya.

Sementara itu **Salwa Mohd. Ghazali**, 54, berkata, fasiliti yang mesra warga emas dan OKU yang ditawarkan menjadi faktor utama kepadanya untuk rasai pengalaman sama

seperti orang lain.

Bagi **Thoh Soo Chin**, 62, pula berkata, apabila kemudahan MRT ini siap dan dibuka kepada orang ramai, tentu sekali dialah yang paling gembira.

Sementara itu, Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) memaklumkan jumlah pengguna perkhidmatan MRT terkini mencatatkan kira-kira 157,742 penumpang setakat semalam. Jumlah ini menunjukkan peningkatan hampir 41,000 pengguna pada cuti hujung minggu berbanding hari Jumaat lalu iaitu 115,765 orang.



KAKITANGAN Prasarana melayan dua penumpang warga emas di kaunter perkhidmatan di stesen Stadium Kajang, Selangor, baru-baru ini. -UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

LEMBAH KLANG
NEGERI SEMBILAN
MELAKA